



JAYAKAN...Dr Justin (dua dari kiri) bersama Dekan FPEP, Prof. Madya Dr. Rasid Mail (dua dari kanan) pada program Eco-FPEP.

# FPEP ke arah realisasikan Eco Kampus

NST 8.6.2016 9

KOTA KINABALU: Fakulti Perniagaan, Ekonomi dan Perakaunan (FPEP), Universiti Malaysia Sabah (UMS) telah mengadakan program Eco-FPEP yang dianjurkan oleh HE06 Green Team, sebuah kelab yang bernaung di bawah program Pengurusan Kewangan dan Perbankan (HE06) baru-baru ini.

Program yang bertemakan ‘Green Soul Green Mind’ ini bertujuan untuk mempromosi budaya hijau serta meningkatkan kesedaran warga kampus akan kepentingan menjaga alam sekitar.

Bercakap tentang program ini, Pengarah Pusat Pengurusan EcoCampus UMS, Prof. Madya Dr. Justin Sentian berkata, program seperti ini amat penting dalam mendidik warga UMS khususnya para pelajar untuk membudayakan kehidupan hijau yang mana banyak memberi manfaat kepada alam persekitaran serta kehidupan mereka sebagai pelajar universiti.

“Melalui program seperti ini juga, secara tidak langsung membantu UMS dalam usaha untuk menjadi sebuah universiti EcoCampus yang pertama di Malaysia,” tambahnya yang turut merasmikan program ini.

Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan sepanjang lima hari program ini berlangsung dan antaranya ialah pertandingan ‘*do it yourself*’ (DIY) menggunakan bahan kitar semula.

Melalui aktiviti ini, para pelajar dapat menyerlahkan kreativiti dalam mereka bentuk sesuatu produk menggunakan bahan kitar semula.

Pelbagai aktiviti sampingan telah turut dijalankan antaranya kutipan kertas serta barang terpakai, pembersihan pantai Outdoor Development Centre (ODEC) UMS serta seminar konsep hijau yang telah disampaikan oleh penceramah jemputan.